

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	02 JUNE 2017

Zaman Tun M sudah berlalu

BH - 2/6/2017 Pg. 14

Kuala Lumpur: Kesediaan Tun Dr Mahathir Mohamad untuk mempertimbangkan jawatan Perdana Menteri jika Pakatan Harapan (PH) berjaya menawan Putrajaya pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) bakal mewujudkan konflik dalam kalangan kepimpinan tertinggi pakatan itu.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi, berkata beliau yakin tiada individu dalam PH yang bersetuju untuk melantik Penasihat Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu sebagai Perdana Menteri.

Beliau yang juga Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) berkata, jika benar ada pihak yang masih berminat untuk menjadikan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri, PH

dijangka berdepan kekalahan pada PRU-14.

“Zaman Tun Mahathir sudah berakhir. Dalam keadaan umur dan kesihatannya sekarang beliau tidak akan mampu membawa Malaysia ke zaman yang lebih gemilang.

Liabiliti kepada PH

“Sudah tentu tabiat diktatornya akan menjadi punca utama PH tidak akan mencadangkan Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri. Tun Mahathir adalah liabiliti kepada PH,” katanya ketika dihubungi semalam.

Semalam, dalam temu bual secara siaran langsung menerusi Facebook rasminya, Dr Mahathir berkata beliau sedia mempertimbangkan jawatan Perdana Menteri dan tidak boleh membelakangkan pemim-

pin PH jika ada yang berhasrat mahu beliau memegang jawatan itu.

Sementara itu, Pengarah Pusat Penyelidikan PAS, Dr Mohd Zuhdi Marzuki mencabar Dr Mahathir supaya mengisytiharkan kawasan yang bakal ditandingi jika berhasrat untuk kembali memegang jawatan Perdana Menteri.

Beliau yang juga Ahli Jawatankuasa Kerja PAS berkata, parti sedaya upaya akan memastikan Dr Mahathir tewas kepada calon PAS.

“Jika benar Dr Mahathir bersedia untuk dicalonkan sebagai Perdana Menteri, bermaksud dia bersedia untuk menjadi calon pilihan raya, maka saya cabar dia supaya isytiharkan kawasan mana yang beliau akan bertanding,” katanya.



Dalam keadaan umur dan kesihatannya sekarang, beliau tak akan mampu bawa Malaysia ke zaman yang lebih gemilang”

Mohd Puad Zarkashi,
Ahli Majlis Tertinggi UMNO